

PM: Ada orang hilang kuasa tiup sentimen kaum, agama

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan ada pihak dalam kalangan orang yang kehilangan kuasa cuba meniupkan api perkauman dan agama.

Dalam hal itu, beliau mengingatkan bahawa kerajaan tidak sekali-kali mengizinkan sebarang usaha oleh mana-mana pihak untuk cuba mengadudomba dan menghangatkan suhu kaum dan agama di negara ini.

Anwar menegaskan, seluruh pasukan Kabinet pimpinannya akan memastikan keamanan dan perdamaian semua kaum dipertahankan sekali gus tidak akan bertolak ansur terhadap mana-mana usaha mengganggu-gugat keselamatan negara.

Untuk itu, beliau mengarahkan seluruh pasukan keselamatan agar berwaspada dengan pihak-pihak tertentu yang menggunakan sentimen itu dan rakyat miskin akan diupah semata-mata mahu menimbulkan kekacauan.

“Sekarang ini (isu perkauman dan agama) dalam keadaan terkawal, tetapi ada usaha orang yang kehilangan kuasa untuk menggunakan ini demi meniup sentimen kaum dan agama.



ANWAR Ibrahim beramah mesra dengan para pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) semasa makan tengah hari di sebuah kafe sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid UKM di Bangi, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

“Sekiranya tindakan itu melampau dan mengganggu-gugat negara, pihak keselamatan akan keras dan tegas bertindak,” katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Kabinet di bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Anwar berkata, Kerajaan Perpaduan pimpinannya akan tetap teguh mempertahankan prinsip Perlembagaan Persekutuan dengan menjunjung Islam sebagai agama persekutuan serta memberi ruang dan ke-

bebasan hak agama lain seperti dijamin Perlembagaan.

Jelas beliau, jika timbul isu-isu berbangkit melibatkan perkara itu, maka ia perlu dileraikan dengan baik supaya jangan ada perseteruan atau prasangka termasuk isu yang dibangkitkan baru-baru ini mengenai kunjungan ke gereja.

“Ia tidak harus melibatkan kerajaan sama sekali, dan kalau ada apa-apa pelanggaran peraturan atau timbulkan sensitiviti kaum, perkara ini harus

dileraikan melalui rundingan.

“Kerajaan ini adalah kerajaan yang mempunyai dasar yang jelas ke arah Malaysia Madani dan teguh dalam mempertahankan nilai dan akhlak, kukuh menyanjung semangat menyatupadukan rakyat pelbagai agama dan kaum, kita inklusif.

“Jadi kenyataan tidak bertanggungjawab tidak boleh diguna pakai kerana kita tidak boleh lari dari kenyataan bahawa Malaysia ini harus aman, tertib dan dibangunkan oleh Melayu dan bumiputera, Cina, India dan suku-suku kaum lain,” katanya.

Sementara itu, Anwar mengerahkan semua jentera kerajaan melibatkan diri dalam program pasca banjir di Johor bagi membantu kira-kira 82,831 mangsa yang terjejas akibat bencana alam itu ketika ini.

Katanya, seramai 16,167 isi rumah telah menerima bantuan wang ihsan RM1,000 berikutan terjejas akibat banjir.

Perdana Menteri kemudian menunaikan solat Jumaat di Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang turut dihadiri oleh 3,000 lebih jemaah.

Beliau mendengar khutbah tentang ‘ekstremis agama’ yang disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Dr. Hamidi Ishak.